

Waranti Terhad

BlackBerry Pegang Tangan, BlackBerry Tatang, dan mana-mana aksesori perkakasan RIM yang lain, tidak termasuk bateri luar dan kad SIM, yang diberikan kepada Anda serentak dan bersama dengan BlackBerry Pegang Tangan khusus untuk digunakan dengan model BlackBerry Pegang Tangan tertentu Anda (yang bersama-sama mengandungi Perkakasan BlackBerry), adalah bebas daripada kecacatan mutu kerja dan bahan bagi tempoh yang lebih singkat daripada (i) satu (1) tahun dari tarikh BlackBerry Pegang Tangan baru mula-mula Anda beli sebagai pengguna akhir yang asal ("Anda") dan (ii) tempoh yang berakhir apabila Anda melanggar Perjanjian Lesen Perisian/Pengguna Akhir BlackBerry ("Perjanjian Lesen") yang dibuat antara Anda dengan Research In Motion Limited dan/atau kumpulan syarikat gabungannya ("RIM") berkaitan dengan BlackBerry Solution ("Tempoh Waranti"). Waranti Terhad ini tidak boleh dipindah milik. Semasa Tempoh Waranti, Perkakasan BlackBerry, atau satu komponen Perkakasan BlackBerry atau lebih, akan dibaiki atau digantikan mengikut pilihan RIM, tanpa caj kepada Anda bagi mana-mana bahagian atau tenaga kerja. Jika Perkakasan BlackBerry (atau komponennya) dibaiki atau digantikan semasa Tempoh Waranti, Tempoh Waranti akan berakhir, yang kemudian daripada 91 hari selepas pembaikan atau penggantian itu atau setahun dari tarikh pembelian asal. Berdasarkan pada suatu perjanjian antara RIM dengan Pemberi RIM Solution (ditakrifkan di bawah), Waranti Terhad ini bagi Tempoh Waranti hendaklah ditunaikan sama ada oleh RIM atau Pemberi RIM Solution. Waranti Terhad ini tidak terpakai bagi haus dan lusuh atau jika mana-mana komponen perkakasan BlackBerry dibuka dan dibaiki oleh seseorang yang tidak dibenarkan oleh RIM, dan tidak meliputi pembaikan atau penggantian mana-mana perkakasan BlackBerry yang rosak akibat: salah laku, lembapan atau air, berdekatan atau terdedah kepada suhu panas, kemalangan, salah guna, kecuaiian, salah pakai, atau kecacatan disebabkan pembaikan atau pengubahsuaian yang dibuat oleh mana-mana orang selain RIM. Waranti Terhad ini tidak meliputi kerosakan fizikal pada permukaan Perkakasan BlackBerry, termasuk rekahan atau calar pada skrin LCD. Waranti Terhad ini tidak terpakai bagi mana-mana kelengkapan selain Perkakasan BlackBerry sebagaimana yang ditakrifkan dalam Waranti Terhad ini – contohnya, ia tidak meliputi mana-mana bateri luar atau Kad SIM yang diberikan bersama-sama dengan pembelian, penyewaan, pajakan Anda atau cara lain memperoleh Perkakasan BlackBerry itu, atau apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh kebocoran atau apa-apa kepincangan tugas lain bateri luar, Kad Sim, atau aksesori atau kelengkapan persisian lain. Waranti Terhad ini juga tidak terpakai jika kepincangan tugas itu adalah daripada penggunaan Perkakasan BlackBerry dengan aksesori, produk, khidmat atau kelengkapan sampingan atau persisian yang tidak diluluskan atau diberikan dengan nyata oleh RIM khusus untuk digunakan dengan model Pegang Tangan BlackBerry tertentu Anda, dan jika ditentukan oleh RIM bahawa kepincangan tugas itu bukan kesilapan Perkakasan BlackBerry itu sendiri. Sebagai tambahan, jika kepincangan tugas itu adalah daripada kegagalan pengguna untuk mematuhi maklumat Keselamatan yang terkandung dalam bungkusan dengan BlackBerry Solution yang merangkumi Perkakasan BlackBerry, Perisian Meja BlackBerry, dan perkhidmatan data tanpa wayar dan dokumentasi yang berkaitan ("BlackBerry Solution"), Waranti Terhad adalah tidak sah, dan jika ia tidak sah, ia tidak terpakai. Sokongan data dianggap sebagai tanggungjawab pengguna Perkakasan BlackBerry. Baik RIM mahupun penjual semula atau pengedar yang melaluinya Anda membeli BlackBerry Solution ("Pemberi RIM Solution") tidak bertanggungjawab bagi data yang mungkin rosak atau hilang pada bila-bila masa, termasuklah, tanpa batasan kehilangan atau kerosakan semasa menservis Perkakasan BlackBerry, atau melalui penggunaan perisian penyegerakan. Memandangkan bahawa BlackBerry Solution diberi berhubung dengan perkhidmatan data tanpa wayar tertentu yang diberikan oleh pemberi pihak ketiga, RIM tidak dapat menjamin atau memberi waranti bahawa perkhidmatan data tanpa wayar Anda akan sentiasa tersedia atau akan sentiasa berfungsi dengan betul. Atas alasan ini dan alasan lain, BlackBerry Solution tidak patut diharap bagi penghantaran data yang berhubungan dengan situasi kecemasan atau ancaman kepada nyawa atau keadaan misi yang kritikal, dan RIM menolak mana-mana liabiliti bagi pihaknya, bagi pihak Pemberi RIM Solution, dan bagi pihak pemberi pihak ketiga perkhidmatan masa berbual bagi peristiwa atau kerosakan akibat daripada pengharapan tersebut atau daripada kegagalan perkhidmatan data tanpa wayar untuk melaksanakan atau untuk menjadi tersedia bagi penggunaan BlackBerry Solution Anda, termasuklah, tanpa batasan, kekurangan liputan perkhidmatan dalam kawasan di mana Anda ingin menggunakan BlackBerry Solution. RIM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa waranti atau jaminan yang diberikan oleh Pemberi RIM Solution atau mana-mana pihak lain.

Apa-apa pembaikan atau penggantian menurut waranti terhad ini boleh Anda minta daripada Pemberi RIM Solution.

PEMBAIKAN ATAU PENGGANTIAN PERKAKASAN BLACKBERRY, SEBAGAIMANA YANG DIPERUNTUKKAN DI DALAM INI, IALAH REMEDI YANG EKSKLUSIF YANG DIBERIKAN KEPADA ANDA. SEMAKSIMUM TAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DALAM BIDANG KUASA ANDA, WARANTI TERHAD INI ADALAH SEBAGAI GANTI, KESEMUA REPRESENTASI, WARANTI, PENGENDORSAN, JAMINAN ATAU SYARAT LAIN, NYATA ATAU TERSIRAT DAN KECUALI SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DI DALAM INI KESEMUA APA-APA JENIS REPRESENTASI, WARANTI, PENGENDORSAN, JAMINAN ATAU SYARAT, NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK TANPA BATASAN, APA-APA REPRESENTASI, WARANTI, PENGENDORSAN, JAMINAN ATAU SYARAT HAK MILIK, KETIDAKLANGGARAN, KESESUAIAN BAGI MAKSUD ATAU KEGUNAAN TERTENTU, KEBOLEHNIAGAAN, KUALITI BOLEH NIAGA, KUALITI YANG MEMUASKAN, KETAHANAN, ATAU SELAINNYA YANG BERBANGKIT DARIPADA STATUT ATAU ADAT ATAU SEMASA BERURUS NIAGA ATAU PENGGUNAAN PERDAGANGAN DIKECUALIKAN. SESETENGAH BIDANG KUASA MUNGKIN TIDAK MEMBENARKAN PENGECEUALIAN ATAU PEMBatasan REPRESENTASI, WARANTI, PENGENDORSAN, JAMINAN ATAU SYARAT. SEHINGGA KE TAKAT SEPENUHNYA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, MANA-MANA REPRESENTASI, WARANTI, PENGENDORSAN, JAMINAN ATAU SYARAT YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERKAKASAN, SETAKAT IA TIDAK BOLEH DIKECUALIKAN, ADALAH TERBATAS KEPADA PEMBAIKAN ATAU PENGGANTIAN SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DALAM WARANTI TERHAD INI. BAIK RIM MAHUPUN MANA-MANA PEMBERI RIM SOLUTION TIDAK BOLEH DENGAN APA-APA CARA BERTANGGUNGAN KEPADA ANDA DAN ANDA DENGAN INI MENEPIKAN APA-APA GANTI RUGI TIDAK LANGSUNG, EKONOMI, KHAS, KOMERSIAL, SAMPINGAN ATAU TELADAN (TERMASUKLAH TANPA BATASAN KERUGIAN KEUNTUNGAN, KERUGIAN HASIL ATAU PENDAPATAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN DATA, KEROSAKAN DISEBABKAN OLEH KELEWATAN ATAU KEGAGALAN UNTUK MEREALISASIKAN SIMPANAN YANG DIJANGKA DAN YANG SERUPA DENGANNYA DAN KECEDERAAN DIRI ATAU GANTI RUGI KEMATIAN SALAH) YANG BERBANGKIT DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN ATAU PELAKSANAAN PERKAKASAN BLACKBERRY, WALAU PUN RIM ATAU PEMBERI RIM SOLUTION SEDAR TENTANG KEMUNGKINAN GANTI RUGI TERSEBUT. BATASAN INI DIMAKSUDKAN UNTUK TERPAKAI DAN SEMEMANGNYA TERPAKAI TANPA MENGHIRAUKAN SAMA ADA GANTI RUGI TERSEBUT DITUNTUT, DITUNJUKKAN ATAU DIBAWA MELALUI SUATU TINDAKAN ATAU TUNTUTAN DALAM TORT (TERMASUKLAH KECEUALIAN) ATAU KONTRAK, ATAU DI BAWAH WARANTI, ATAU DI BAWAH MANA-MANA UNDANG-UNDANG LAIN ATAU SUATU BENTUK TINDAKAN, APA-APA BATERI LUAR YANG DIBERIKAN DENGAN PERKAKASAN BLACKBERRY ADALAH DIBERIKAN "SEADANYA" ATAU TERTAKLUK KEPADA WARANTI TERHAD YANG TERPAKAI SECARA KHUSUS KEPADA BATERI TERSEBUT, JIKA ADA, DAN APA-APA SIM KAD YANG DIBERIKAN DENGAN PERKAKASAN BLACKBERRY DIBERIKAN SEADANYA, DAN BAIK BATERI LUAR MAHUPUN KAD SIM BUKANLAH, BAGI MAKSUD WARANTI INI, SEBAHAGIAN DARIPADA PERKAKASAN BLACKBERRY. ANDA MENGAMBIL RISIKO MENGGUNAKAN APA-APA AKSESORI YANG TIDAK DIBERIKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA BLACKBERRY SOLUTION. LIABILITI RIM KEPADA ANDA ATAU KEPADA MANA-MANA PIHAK KETIGA YANG MENUNTUT MELALUI ANDA ATAU BAGI PIHAK ANDA TIDAK BOLEH SEKALI-KALI MELEBIHI HARGA PEMBELIAN PERKAKASAN BLACKBERRY YANG ANDA BELI ATAU KOS MEMBAIKI ATAU MENGGANTIKAN PERKAKASAN BLACKBERRY, YANG MANA LEBIH TINGGI. WARANTI TERHAD BERKENAAN DENGAN PERISIAN MEJA BLACKBERRY, KEPADA SEMUA DOKUMENTASI DAN KEPADA SEMUA PERALATAN TEGAR YANG BERADA PADA PERKAKASAN ADALAH DIKEMUKAKAN DALAM PERJANJIAN LESEN.

Penepian apa-apa keingkaran oleh RIM tidak akan disifatkan penepian berterusan keingkaran itu atau penepian mana-mana keingkaran lain.

Waranti Terhad ini dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Ontario, Kanada, kecuali bagi mana-mana badan undang-undang yang mengawal pertelingkahan undang-undang. Pihak-Pihak kepada Waranti Terhad ini ("Pihak-Pihak" jika ramai dan "Pihak" jika individu) bersetuju bahawa Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kontrak bagi Penjualan Barang-Barang Antarabangsa Pertubuhan dengan ini dikecualikan keseluruhannya daripada pemakaian Waranti Terhad ini. Semua pertelingkahan pendapat dan pertikaian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan Waranti Terhad ini akan diselesaikan dengan muktamad oleh timbang tara. Keputusan penimbang tara adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak (kecuali dalam hal kesilapan yang ketara). Pengawardan penimbang tara hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah mempunyai alasannya. Pengawardan penimbang tara

hendaklah mengambil kira kos penimbangtaraan untuk dibayar oleh Pihak-Pihak mengikut apa-apa perkadaran jumlah yang diputuskan oleh penimbang tara sebagai sesuai. Melainkan jika dilarang sebaliknya oleh undang-undang dalam bidang kuasa Anda, timbang tara itu hendaklah: (i) diadakan di Ontario, Canada; (ii) dijalankan di bawah undang-undang Ontario law; (iii) dijalankan dalam bahasa Inggeris; (iv) diputuskan di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Dewan Perniagaan Antarabangsa); dan (v) didengar oleh seorang penimbang tara yang dilantik mengikut Kaedah-Kaedah itu dan dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dalam masa 30 hari dari tarikh pelantikan penimbang tara dan jika gagal, pihak ketiga yang berkecuali hendaklah melantik penimbang tara. Jika peruntukan ayat yang sebelum ini dilarang oleh undang-undang dalam bidang kuasa Anda, timbang tara hendaklah: (i) diadakan di Brunei; (ii) dijalankan dalam bahasa Inggeris; (iii) diselesaikan melalui timbang tara mengikut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Dewan Perniagaan Antarabangsa ("Kaedah-Kaedah DPA"); dan (iv) didengar oleh seorang penimbang tara yang dilantik mengikut Kaedah-Kaedah DPA dan dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dalam masa 30 hari dari tarikh pelantikan penimbang tara, dan sekiranya gagal Presiden Persatuan Timbang Tara Brunei Darussalam hendaklah melantik penimbang tara. Pertelingkahan antara Pihak-Pihak, atau yang melibatkan mana-mana orang selain Anda, tidak boleh dicantum atau digabung bersama, tanpa kebenaran bertulis RIM terlebih dahulu.

Jika sesuatu peruntukan Waranti Terhad diputuskan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ketidaksahan atau tidak boleh berkuat kuasanya itu tidaklah menjadikan keseluruhan Waranti Terhad ini sebagai tidak sah atau tidak boleh berkuat kuasa, tetapi sebaliknya (kecuali kegagalan balasan akan terhasil daripadanya) Waranti Terhad itu hendaklah ditafsirkan sebagai tidak mengandungi peruntukan atau peruntukan-peruntukan tertentu yang tidak sah atau tidak boleh berkuat kuasa itu, dan hak dan obligasi tiap-tiap Pihak hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan sewajarnya.

Jika Waranti Terhad ini diterjemahkan ke dalam suatu bahasa selain bahasa Inggeris, versi Inggeris akan mengatasi setakat terdapat pertelingkahan atau percanggahan dalam maksud antara versi Inggeris dengan apa-apa terjemahan tersebut.

Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara Waranti Terhad ini dengan mana-mana waranti yang dimasukkan ke dalam bungkusan Perkakasan BlackBerry, peruntukan Waranti Terhad ini hendaklah terpakai setakat ketidakselarasan tersebut.

© 2006 Research In Motion Limited. Semua hak terpelihara. BlackBerry dan tanda, imej dan simbol keluarga RIM ialah harta eksklusif Research In Motion Limited. RIM, Research In Motion, simbol 'Always On, Always Connected', "envelope in motion" dan logo BlackBerry adalah berdaftar dengan Pejabat Paten dan Cap Dagangan Amerika Syarikat dan mungkin sedang menunggu pendaftaran atau berdaftar di negara lain. Semua jenama lain, nama produk, nama syarikat, cap dagangan dan tanda perkhidmatan adalah harta pemilik masing-masing. Perisian Pegang Tangan dan/ atau perisian yang berkaitan adalah dilindungi oleh hak cipta, triti antarabangsa dan pelbagai paten, termasuk satu paten Amerika Syarikat atau lebih yang berikut : 6,278,442; 6,271,605; 6,219,694; 6,075,470; 6,073,318; D,445,428; D,433,460; D,416,256. Paten lain adalah berdaftar atau sedang menunggu pendaftaran di pelbagai Negara di serata dunia. Sila layari www.rim.net/patents.shtml bagi senarai semasa paten yang terpakai.